

CB/AGM

**KOPERASI KEDAI BUKU
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD**
(UNIVERSITI SAINS MALAYSIA CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-22
KHAMIS 23 OKTOBER 1997 JAM 3.00 PETANG
DI DEWAN KULIAH B
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

PERHATIAN

**SILA BAWA KAD KEAHLIAN BERSAMA-SAMA
TUAN/PUAN OLEH KERANA HANYA AHLI YANG
MENUNJUKKAN KAD MEREKA SAHAJA DIBENARKAN
MASUK KE DEWAN MESYUARAT**

**SETIAP AHLI YANG MENGHADIRI MESYURAT INI
AKAN DIBERI KUPON BERNILAI RM10.00**

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD
(Universiti Sains Malaysia Co-operative Bookshop Limited)
Universiti Sains Malaysia

MEMORANDUM

Kepada:

Semua ahli

Daripada:

Setiausaha
Lembaga Pengarah

Tarikh: 6 Oktober 1997

s.k. Pengarah

Jabatan pembangunan Koperasi Negeri
Pulau Pinang

Ini adalah untuk memaklumkan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-22 akan diadakan pada hari Khamis, 23 Oktober 1997, Jam 4.45 petang di Dewan Kuliah B, Universiti Sains Malaysia.

AGENDA

1. Minit mesyuarat yang lalu

Mesyuarat akan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-21 yang telah diadakan pada 21 Oktober 1996. (Lihat Lampiran A)

2. Laporan tahunan

Mesyuarat akan mempertimbangkan dan meluluskan Laporan berikut:

- (i) Tahunan Lembaga Pengarah bagi tempoh 1 Mei 1996- 30 April 1997 (Lihat Lampiran B (I))
- (ii) Jawatankuasa Audit Dalam bagi tempoh 22 Oktober 1996 - 23 Oktober 1997 (Lihat Lampiran B (II))

3. Akaun tahunan

Mesyuarat akan memperhatikan laporan berikut:

- (i) Mempertimbangkan dan menerima lembaran imbangan akaun untung-rugi dan nota-nota kepada akaun bagi tempoh 1 Mei 1996 - 30 April 1997 (Lihat Lampiran C (I))
- (ii) Pandangan Ketua Pendaftar Koperasi-Koperasi Malaysia ke atas Akaun Koperasi berakhir pada 30 April 1995 dan 1996 melalui surat Bil.JP/T.(AUDIT)IP:PP-49/3165/5(17) bertarikh 29 November 1996 (Lihat Lampiran C (II))

Perlantikan Pengarah

Mesyuarat akan melantik 3 orang Pengarah untuk mengisi kekosongan kerana Profesor Madya Gan Saiu Chiew, Profesor Mohamed Sulaiman dan Profesor Madya Chin Fook Weng bersara. Walau bagaimanapun Profesor Madya Chin Fook Weng layak dan bersetuju dilantik semula.

5. Pembahagian Keuntungan

Mesyuarat akan mengesahkan dan mengisytiharkan pembayaran dividen sebanyak 10% bagi tempoh di berakhir 30 April 1997 untuk setiap ahli yang namanya dalam buku pendaftaran pada Oktober 1996.

6. Anggaran belanjawan

Mesyuarat akan menimbangkan dan meluluskan anggaran belanjawan bagi tempoh 1998/1999 (Lihat lampiran D)

7. Perlantikan Juruaudit Luar dan Dalam

Mesyuarat akan menimbangkan perlantikan Juruaudit seperti berikut:

- (i) Panel firma Juruaudit Luar
- (ii) Tiga (3) ahli menganggotai Jawatankuasa Audit Dalaman.

8. Menetapkan had maksima tanggungan hutang

Mesyuarat akan menimbangkan had pinjaman sebanyak RM2,000,000.00 untuk kepentingan Koperasi.

9. Skop dan Had Pelaburan

Mesyuarat akan menimbangkan dan meluluskan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan Koperasi.

10. Perlantikan Jawatankuasa Khas

Mesyuarat akan melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada Pengerusi, tiga orang anggota Lembaga dan enam anggota untuk menentusahkan draf minit mesyuarat Agung Tahunan ini.

11. Usul


Mesyuarat akan membincangkan usul seperti berikut:

Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad mengambil langkah strategik ke arah menubuhkan sebuah kolej swasta yang menguruskan kursus dan pengajian bagi pihak Matrikulasi Universiti Sains Malaysia. (Projek sedemikian telahpun dijalankan oleh Koperasi Universiti Kebangsaan Malaysia Berhad dengan menubuhkan Kolej UNIKEB)

12. Hal-hal lain

Mesyuarat ini akan menimbangkan perkara-perkara lain yang telah disampaikan kepada Setiausah Lembaga Pengarah, tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat ini.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah.


(Puan) Rashidah Begum

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD
(Universiti Sains Malaysia Co-operative Bookshop Ltd.)

Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-21 yang diadakan pada hari
Isnin 21 Oktober 1996 jam 4.45 petang di Dewan Kuliah E,
Pusat Matrikulasi, Universiti Sains Malaysia

Hadir: (Lihat Lampiran)

Turut Hadir: Encik Muhammad Amran Abdul Aziz
Penolong Pengurus (Kedai Buku)
Koperasi Kedai Buku USM Bhd.

Encik Supuan Shahrudin
Penolong Pengurus (Kedai Mahasiswa)
Koperasi Kedai Buku USM Bhd.

Puan Warnetty Adis
Penolong Pengurus (Pusat Farmasi)
Koperasi Kedai Buku USM Bhd.

Kata-kata aluan 1. Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli ke mesyuarat ini dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli yang sudi meluangkan masa untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ke-21 ini. Sokongan yang diberi oleh ahli ialah satu petanda yang menggalakan bagi masa depan koperasi kita.

Melantik Pengerusi mesyuarat 2. Pengerusi memaklumkan kepada ahli bahawa Akta Koperasi 1948 telah dipinda dan dalam akta baru Akta Koperasi 1993 (sebagaimana dipinda) ada beberapa peraturan baru yang mesti dipatuhi oleh semua koperasi. Salah satu daripadanya ialah mesyuarat akan memilih seorang ahli untuk mempengerusikan mesyuarat Agung tahun ini.

Profesor Madya Saringat Haji Baie telah dicadangkan oleh Profesor Madya Mohamad Suhaimi Jaafar dan disokong oleh Encik Balachandra A/L S. Kutaiah

Mesyuarat bersetuju sebulat suara memilih Profesor Madya Saringat Haji Baie sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan ke-21

Minit mesyuarat yang lalu 3. Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-20 yang telah diadakan pada 26 Oktober 1995 diluluskan tanpa pindaan.

Dr. Ainuddin Bahari mencadangkan minit diluluskan dan disokong oleh Encik Fong Sew Khuan.

Laporan Lembaga Pengarah 4. Pengerusi membentangkan Laporan Lembaga Pengarah bagi tempoh 1 Mei 1994- 30 April 1996.

Pengerusi menarik perhatian ahli mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Pengarah untuk meningkatkan perniagaan Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad adalah seperti berikut:

LAMPIRAN A

- (a) Mendermakan buku-buku untuk kebajikan pelajar
- (b) Pameran pada bulan Disember 1996

Encik Narhari A/L Thakorlal mencadangkan laporan diluluskan dan disokong oleh Dr. Teoh Siang Guan.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima laporan Lembaga.

- Laporan Tahunan Kewangan 5. Pengerusi membentangkan Laporan Tahunan Kewangan yang telah diaudit bagi tempoh 1 Mei 1994- 30 April 1995 dan 1 Mei 1995- 30 April 1996.

Mesyuarat memperhatikan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tempoh 26 Oktober 1995-21 Oktober 1996

Dr. Ahmad Abdul Majid mencadangkan Laporan diluluskan dan disokong oleh Profesor Mohamed Sulaiman.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima Laporan Kewangan.

- Perlantikan Ahli Lembaga 6. Mesyuarat diberitahu bahawa tiga (3) orang ahli Lembaga Pengarah perlu dilantik mengikut Undang-Undang Kecil supaya selaras dengan kehendak Akta Koperasi 1993 (sebagaimana dipinda) untuk mengisi kekosongan disebabkan Puan Joriah Muhammad, Profesor Mashudi Kader dan Profesor Madya Ng Wai Kong meletak jawatan mengikut giliran.

Pengerusi memaklumkan bahawa perlantikan ahli Lembaga secara undian ialah langkah untuk memenuhi keperluan Akta Koperasi baru.

Pencalonan berikut telah diterima:

- (i) Profesor Mohamed Sulaiman dicadangkan oleh Dr. Ainuddin Bahari dan disokong oleh Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria.
- (ii) Profesor Madya Mohammad Suhaimi Jaafar dicadangkan oleh Profesor Mohamed Sulaiman dan disokong oleh Dr. Ahmad Abdul Majid.
- (iii) Profesor Madya Ng Wai Kong dicadangkan oleh Encik Ng Eng Hock dan disokong oleh Encik Annanda Shanmugam K.
- (iv) Dr. Ainuddin Bahari oleh dicadangkan Encik Fong Sew Khuan dan disokong oleh Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria.
- (v) Profesor Mashudi Kader dicadangkan oleh Profesor Madya Ghani Salleh dan disokong oleh Profesor Madya Gan Sau Chiew.

Dr. Ainuddin Bahari mencadangkan penutupan percalonan dan disokong oleh Dr. Ahmad Abdul Majid.

Pengerusi memaklumkan mesyuarat setiap ahli layak mengundi 3 kali bagi pemilihan 3 ahli Lembaga.

Setelah dijalankan pengundian keputusan adalah seperti berikut:

- (a) Profesor Mohamed Sulaiman 52 Undi
- (b) Profesor Mohammad Suhaimi Jaffar 45 Undi
- (c) Profesor Madya Ng Wai Kong 35 Undi
- (d) Profesor Mashudi Kader 31 Undi
- (e) Dr. Ainuddin Bahari 25 Undi

Oleh kerana hanya 3 ahli Lembaga sahaja diperlukan, maka ahli yang dipilih (a-c) iaitu tiga ahli yang mendapat undi yang terbanyak.

- Pembagian keuntungan 7. Lembaga mencadangkan perbahagian keuntungan sebanyak 10% bagi tempoh 1 Mei 1994-30 April 1996

Bagi tempoh berakhir 30 April 1995 untuk ahli yang namanya ada di dalam buku pendaftaran pada 31 Disember 1994, dan bagi tempoh berakhir 30 April 1996 untuk ahli yang namanya ada di dalam buku pendaftaran pada 31 Disember 1995. Dividen untuk ahli akan diberi dalam bentuk cek jika melebihi RM2.00 dan dalam bentuk tunai jika kurang daripada jumlah itu. Universiti Sains Malaysia akan dibayar dalam bentuk cek.

Profesor Mohamed Sulaiman mencadangkan pembahagian keuntungan diluluskan dan disokong oleh Profesor Madya Mohammad Suhaimi Jaafar.

- Anggaran belanjawan 8. Pengerusi membentangkan anggaran belanjawan bagi 1996/1997 dan 1997/1998.

Mesyuarat membincang meluluskan semua butiran yang disenaraikan.

Cadangan dibuat oleh Dr. Ahmad Abdul Majid dan disokong oleh Profesor Mohamed Sulaiman.

- Perlantikan Juruaudit 9. Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu firma Juruaudit Luar perlu dipilih sebagai Juruaudit Luar Koperasi ini:

Setelah berbincang mesyuarat bersetuju memilih firma-firma berikut mengikut keutamaan.

- (a) Amin Al-Jeffri & Co.
- (b) Iqbal & Associates.
- (c) Ahmad Abdullah & Goh.

Seterusnya mesyuarat memilih ahli-ahli berikut sebagai anggota Jawatankuasa Audit Dalaman:

- (a) Dr. Ainuddin Bahari
- (b) Encik Fong Sew Khuan
- (c) Encik Ng Eng Hock

LAMPIRAN A

Profesor Mohamed Sulaiman mencadangkan perlantikan Juruaudit dikekalkan dan disokong oleh Prof. Madya Ng Wai Kong.

Mesyuarat sebulat suara memilih ketiga-tiga calon di atas.

Menetapkan had maksimum tanggungan hutang. 10. Pengerusi memaklumkan keperluan had maksimum pinjaman RM500,000.00 untuk kegunaan modal kerja.

Profesor Mohamed Sulaiman mencadangkan penetapan hak maksimum tanggungan hutang sebanyak RM500,000.00 diterima dan disokong oleh Profesor Madya Ng Wai kong.

Jawatankuasa Khas 11. Pengerusi memaklumkan satu Jawatankuasa Khas terdiri daripada Pengerusi, tiga orang anggota Lembaga dan enam orang anggota perlu dilantik untuk menentusahkan minit mesyuarat Agung tahunan ini.

Mesyuarat memilih ahli-ahli berikut:

- (i) Pengerusi dan semua Ahli Lembaga Pengarah.
- (ii) Profesor Mashudi Kader dicadangkan oleh Profesor Mohamed Sulaiman disokong oleh Profesor Madya Gan Saiu Chiew.

Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan pemilihan ini.

Hal-hal lain 12. Pengerusi mencadang kepada ahli supaya menambahkan saham.

Oleh kerana tidak hal-hal lain yang dikemukakan mesyuarat tamat pada pukul 6.35 petang.

Lampiran kepada Lampiran

SENARAI AHLI-AHLI KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD YANG DIHADIR DI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-21 PAD 21 OKTOBER 1996, JAM 4.45 PETANG DI DEWAN KULIAH E, PUSAT MATRIKULASI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

| <u>BIL</u> | <u>NAMA</u> | <u>NO. AHLI</u> | <u>BIL</u> | <u>NAMA</u> | <u>NO. AHLI</u> |
|------------|---------------------------------|-----------------|------------|--------------------------------|-----------------|
| 1 | ABDUL AZIZ AHMAD | 3512 | 2 | AHMAD ABD MAJID,DR. | 4528 |
| 3 | AINUDDIN BAHARI, DR | 2373 | 4 | AMINAH ISMAIL | 2537 |
| 5 | ANG FUEY PHAIK | 1419 | 6 | ANNANDA SHANMUGAM.K | 1522 |
| 7 | AUTHONY DEVIS | 1402 | 8 | A. RAHMAN ISMAIL | 1378 |
| 9 | BALANCHANDRA A/L S.KUTIAH | 0087 | 10 | BALASUBRAMANIAM A/L KANDASAMY | 1445 |
| 11 | CHAN AH WAH | 0711 | 12 | CHAN KAM GHEE | 1549 |
| 13 | CHEAH TENG BOON | 1809 | 14 | CHEE SAI GNOW | 1501 |
| 15 | CHEW MUN WAI | 1343 | 16 | CHIN FOOK WENG, PROF.MADYA | 0240 |
| 17 | CHONG PENG KIAT @ CHONG SOH HAR | 1216 | 18 | CHAN LIAN SIAH | 1386 |
| 19 | CLEMENT D'SILVA | 1424 | 20 | EE SING SIEW | 1211 |
| 21 | FARIDAH MD. NOR | 1344 | 22 | FONG SEW KHUAN | 1251 |
| 23 | FOO THIN CHOON | 1291 | 24 | GAN SAIU CHIEW,PROF.MADYA | 1455 |
| 25 | GHANI BIN SALLEH, PROF. MADYA | 2300 | 26 | HAPISAH BT. MAT | 1414 |
| 27 | HENG SOO YOK | 1220 | 28 | IBRAHIM MOHAMAD | 1217 |
| 29 | JULIE CHUAH SUAN CHOO | 1014 | 30 | KANTHASAMY SUBRAMANIAM | 1525 |
| 31 | KHOO SOO BENG | 0065 | 32 | KOAY BEAN HUAT | 1209 |
| 33 | KOAY SAW SEE | 1325 | 34 | KONG POH QUAI | 1276 |
| 35 | KONG SOW LAI | 1958 | 36 | KOO SIEAK KOON | 1241 |
| 37 | KRISHNAN ALLAGAN | 1491 | 38 | LAM WENG LENG | 1322 |
| 39 | LAWRENCE CHANG HOOI TUANG | 4329 | 40 | LEE CHONG YAN.PROF. MADYA | 1168 |
| 41 | LEE CHOW YOONG | 1233 | 42 | LEE HOCK LEONG | 1496 |
| 43 | LEE TENG SWEE | 1215 | 44 | LEOW AH LET | 1260 |
| 45 | LILY OH | 1267 | 46 | LIM CHIN POH | 1210 |
| 47 | LIM LEONG HYE | 0185 | 48 | LIM SUAN HEOH | 0639 |
| 49 | LOH KEAT LIN | 1354 | 50 | LOP IDRIS B MIOR KAMARUDIN | 2213 |
| 51 | LOW AH CHUAN | 1371 | 52 | LOW WENG LENG | 1322 |
| 53 | MARIAM MERICAN | 0862 | 54 | MARIMUTHU A/L AYEROO | 1282 |
| 55 | MASHUDI KADER, PROFESOR | 0821 | 56 | MD. ZANDAR MD. SAMAN | 1317 |
| 57 | MERYAM BT RABU | 1364 | 58 | MOHAMAD SUHAIMI JAAFAR,PROF.MA | 4320 |
| 59 | MOHAMED ILLIAS BIN SHAHUL HAMII | 1310 | 60 | MOHAMED NORDIN B ISMAIL | 0863 |
| 61 | MOHAMED SULAIMAN,PROFESOR | 2022 | 62 | MOHD RADZI BIN AHMAD | 1502 |
| 63 | MOHD ROSLI B. MOHD DIAH | 1174 | 64 | MOHD IDRIS SULAIMAN | 1500 |
| 65 | MOHD KASSIM B ABDUL RAZAK | 1373 | 66 | MUN SOOK YI | 1454 |
| 67 | MUNDAS BEHAN BT ABDUL KARIM | 0012 | 68 | NAIEMAH BT ZAINON | 1257 |
| 69 | NARHARI A/L THAKORIAL | 1534 | 70 | NG CHOON FOOK | 1658 |
| 71 | NG ENG HOCK | 1270 | 72 | NG KAM HONG | 1262 |
| 73 | NG WAI KONG,PROF.MADYA | 1194 | 74 | NOOR JAHAN BT MYDIN | 1404 |
| 75 | ONG CHIN HWIE | 1289 | 76 | ONG CHUN EE | 1439 |
| 77 | ONG JOO LEE | 0090 | 78 | PHOON SOOK CHING | 1408 |
| 79 | QUAH KUNG HAI | 0089 | 80 | RAHMAH BAHAROM | 4310 |
| 81 | RAMLAH BT AHMAD | 4309 | 82 | RASHIDAH BEGUM | 0305 |
| 83 | ROKIAH OMAR | 1552 | 84 | R.VADIVEL MURUGUN | 1550 |
| 85 | SAKINABI BT MD IBARHIM | 4213 | 86 | SALMIAH HAMID | 1415 |
| 87 | SANTUS STANLEY FRANCIS | 1471 | 88 | SARINGAT HAJI BAIE, PROF.MADYA | 0455 |
| 89 | SUHAIMI BIN AHMAD | 4307 | 90 | SYED AHMAD KAMIL SYED ZAKARIA | 4212 |
| 91 | SYED AHMAD MUFAZZAL | 1476 | 92 | TAN ENG GUAN | 1651 |
| 93 | TAN KENG SENG | 1690 | 94 | TAN KOK NANG | 1261 |
| 95 | TAN PAI LING | 1345 | 96 | TAN SEOW PHENG | 1385 |
| 97 | TEH SIEW HONG | 1307 | 98 | TEOH SIANG GUAN.PROF.MADYA | 1536 |
| 99 | TEOH SWEE LAN | 1379 | 100 | VICTORIA KAOY | 1520 |
| 101 | WONG YIONG BAT | 1352 | 102 | WOO KOK FATT | 1208 |
| 103 | WOO KOK PHENG | 1253 | 104 | YEE CHIN LENG | 1229 |
| 105 | YEOH CHOON AUN | 1306 | 106 | YEOH HUCK SENG | 0858 |
| 107 | YEOH AH LOK | 0966 | 108 | ZAINAB ABU BAKAR MARICAN | 1288 |
| 109 | ZULKIFLEE BIN HASHIM | 1936 | | | |

**LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TEMPOH
1 MEI 1996-30 APRIL 1997**

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Ke-22 kepada ahli-ahli Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad.

MAKLUMAT AM

Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia didaftarkan pada 21 Mac 1997 dibawah ordinan Syarikat-syarikat Kerjasama 1948 dan kata koperasi 1993 dan pindaan-pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa kesemasa. Tujuan utama syarikat ini untuk bahan-bahan bacaan serta bahan keperluan lain dengan harga yang berpatutuan.

LEMBAGA PENGARAH

Pengarah-pengarah yang bertugas bagi tempoh laporan ini adalah seperti berikut:

Profesor Madya Saringat Haji Baie (Pengerusi)
Profesor Madya Chin Fook Weng
Profesor Madya Gan Saiu Chiew
Profesor Madya Ghani Salleh
Puan Jariah Muhammad (sehingga Oktober 1996)
Profesor Mashudi Haji Kader (sehingga Oktober 1996)
Profesor Madya Mohamad Suhaimi Jaafar (mulai Oktober 1996)
Profesor Muhamad Sulaiman (mulai Oktober 1996)
Profesor Madya Ng Wai Kong
Puan Rashidah Begum
Tuan Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria

Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun tempoh laporan ini. Kehadiran ahli Lembaga adalah amat menggalakkan dan ahli-ahli telah mengambil bahagian yang cergas di dalam membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan kepentingan dan pengembangan Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad.

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Jawatankuasa Audit Dalaman yang dilantik semasa Mesyuarat Agung Tahunan Ke-21

Dr. Ainuddin Bahari
Encik Fong Sew Khuan
Encik Ng Eng Hock

KEMAJUAN

Jumlah jualan meningkat dan bagi tempoh laporan 1996/1997 iaitu sebanyak RM4,911,644 berbanding dengan RM4,547,426 bagi tahun 1995/1996, iaitu RM364,218 lebih daripada jualan tahun lepas dan merupakan peningkatan sebanyak 8.00%. Keuntungan bersih telah meningkat dari RM72,040 ke RM189,387 dan ini merupakan kenaikan 162.89%.

Beberapa usaha telah dijalankan di dalam meningkatkan dan memperluaskan perkhidmatan dan perniagaan Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad. Kedai buku telah mengendalikan beberapa pesta jualan buku. Kedai Mahasiswa pula tindakan telah diambil untuk mempelbagaikan jenis barang yang dijual pada kadar yang setanding atau lebih rendah daripada pasaran luar. Pusat Farmasi telah menunjukkan pretasi perniagaan yang sangat memuaskan.

LAMPIRAN B (1)

KAKITANGAN

Pada April 1997 bilangan ialah seramai 39 orang. Tiga daripadanya adalah terdiri daripada kakitangan pengurusan dan 36 adalah terdiri daripada kakitangan sokongan.

PENGHARGAAN

Lembaga Pengarah ingin mengucapkan terima kasih kepada yang berikut:

- (a) Naib Canselor Universiti Sains Malaysia yang telah memberi sokongan yang sepenuhnya.
- (b) Ahli-ahli Lembaga yang bersara, di atas sumbangan mereka.
- (c) Jawatankuasa Audit Dalam di atas teguran, cadangan dan pandangan mereka
- (d) Dekan/Pengarah/Penyelaras Pusat-Pusat Pengajian, Ketua Jabatan dan Kakitangan Universiti Sains Malaysia di atas kerjasama di atas sokongan mereka.
- (e) Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Pulau Pinang di atas kerjasama dan nasihat mereka.
- (f) Kakitangan Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad kerana menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh dedikasi dan minat, dan
- (g) Mereka yang lain telah memberi apa-apa jua bantuan dan kerjasama.

Bagi Pihak Lembaga Pengarah.

(Puan) Rashidah Begum

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Dr. Aminudin Bahari
Enik Fong Siew Khuan
Enik Ng Eng Hock

KEMAJUAN


Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun tempoh laporan ini. Kehadiran ahli Lembaga adalah amat mengagumkan dan ahli ahli telah mengambil bahagian yang cergas di dalam membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan kepentingan dan pengembangan Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad.

Beberapa usaha telah dijalankan di dalam meningkatkan dan memperluaskan perkhidmatan dan perniagaan Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad. Untuk meningkatkan beberapa perkhidmatan, Koperasi telah mengadakan beberapa kursus dan latihan untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan. Selain itu, Koperasi telah mengadakan beberapa kursus dan latihan untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan. Selain itu, Koperasi telah mengadakan beberapa kursus dan latihan untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan.

Laporan Juruaudit Dalaman

Kami telah membuat pemeriksaan mengejut pada tarikh-tarikh berikut iaitu 15hb. Mac, 30hb. April, 15hb. Julai, 18hb. Ogos dan 22hb. Ogos, 1997. Pemeriksaan ini tidaklah termasuk lawatan dari masa ke semasa serta perbincangan yang diadakan bagi memajukan lagi koperasi.

Kami juga telah menerima segala keterangan dan maklumat yang kami perlukan dalam melaksanakan tugas-tugas kami serta mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak koperasi dan pada pandangan kami, kami berpendapat bahawa perjalanan perniagaan adalah lebih baik daripada tahun-tahun yang terdahulu disegi koperasi telah banyak mengamalkan teguran kami pada tahun lepas. Pada pandangan kami, penyata kewangan koperasi menunjukkan kedudukan kewangan yang betul dan tepat serta memberi gambaran yang sebenar dan saksama.



Ainuddin Bin Bahari
Pengerusi
Jawatankuasa Juruaudit Dalaman

**LAPORAN JURUAUDIT
BAGI TAHUN BERAKHIR 30HB APRIL 1997**


Kepada :

Ketua Pendaftar Koperasi,
Anggota-anggota Koperasi Kedai Buku
Universiti Sains Malaysia Berhad
(dahulu dikenali sebagai The Universiti Sains Malaysia
Co-operative Bookshop Limited)

Tetuan,

Mengikut kehendak Seksyen 63(2), (3) dan (5) Akta Koperasi 1993, peraturan-peraturan yang diperbuat di bawahnya dan Undang-Undang Kecil Koperasi, kami melaporkan bahawa kami telah mengaudit akaun-akaun Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia Berhad bagi tahun berakhir 30hb. April 1997 dan pandangan-pandangan kami adalah seperti berikut:-

- a) Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang disimpan telah diselenggarakan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tahun ini adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi.
- c) Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas Koperasi adalah munasabah.
- d) Penyata Kewangan bersama-sama dengan nota-nota yang mengiringinya memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang transaksi-transaksi kewangan dan kedudukan hal ehwal Koperasi pada 30hb April 1997 dan keuntungan serta penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.



**ALJEFFRI & CO.
AKAUNTAN AWAM (MALAYSIA)
NO. FIRMA : AF 0277**



**SYED AMIN ALJEFFRI
NO. JURUAUDIT : JPK 0005**

Kuala Lumpur
Tarikh : **23 SEP 1997**

LAMPIRAN C (I)

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD
(dahulu dikenali sebagai THE UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59 (9) (C) AKTA KOPERASI 1993

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 30hb April 1997.


Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993, kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa :

- (a) Perjalanan Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara yang abnormal mengikut takrif Seksyen 59(4).
- (b) Koperasi bercadang mengeluarkan dividen sebanyak 10 % (RM1,876.60) dalam tahun ini di atas modal syer anggota sebanyak RM18,766.00 pada 31hb Oktober 1996.
- (c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh Akaun Untungrugi, tiada liabiliti kontingen yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan.
- (e) Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di dalam Kunci Kira-kira adalah munasabah.


[Handwritten signature]
[Handwritten signature]
ALIFILIN & CO
AKAUNTAN AWAM (MALAYSIA)
NO. 11, JALAN...
KUALA LUMPUR
TARIKH 27 SEP 1997

Koperasi Kedai Buku Universiti Sains Malaysia
Laporan Berkanun Lembaga
Bagi Tahun Berakhir 30hb April 1997


Kami bagi pihak Lembaga Koperasi mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan sepertimana yang dikehendaki oleh Seksyen 59(3) Akta Koperasi 1993.



Profesor Madya Saritigat Maji Baie
Pengerusi



Rashidah Begum
Setiausaha



Syed Ahmad Kamil Syed Zakaria
Bendahari

PULAU PINANG

TARIKH: 23 SEP 1997

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD
(dahulu dikenali sebagai THE UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

KUNCI KIRA-KIRA
PADA 30HB APRIL 1997

LAMPIRAN C ①

| | NOTA | 1997 RM | 1996 RM | | NOTA | 1997 RM | 1996 RM |
|---|------|--------------|--------------|---|------|--------------|--------------|
| MODAL SYER ANGGOTA | 3 | 10,630.00 | 18,736.00 | ASET-ASET TETAP | 12 | 246,538.71 | 291,572.82 |
| PELBAGAI KUMPULAN WANG | 4 | 198,164.10 | 206,240.48 | PELABURAN DALAM SYER TAKSIAR HARGA | 13 | 15,100.00 | 15,100.00 |
| KEUNTUNGAN TERKUMPUL | | 1,583,654.12 | 1,420,547.70 | SIMPANAN TETAP | 14 | 515,483.11 | 490,000.00 |
| Jumlah Kumpulan Wang Anggota-anggota | | 1,792,448.22 | 1,645,524.18 | | | | |
| KUMPULAN WANG RIZAB | 5 | 463,002.75 | 441,826.43 | | | | |
| PINJAMAN-PINJAMAN TAK BERCAGAR | 6 | 85,000.00 | 85,000.00 | | | | |
| LIABILITI SEMASA | | | | ASET SEMASA | | | |
| Bank Overdraif | 7 | 322,070.81 | - | Stok | 15 | 1,323,915.38 | 1,058,305.12 |
| Pemiutang sewabeli | 8 | - | 545.72 | Penghutang perniagaan | 16 | 1,648,326.69 | 600,505.29 |
| Pemiutang perniagaan | 9 | 1,433,967.14 | 576,640.54 | Pelbagai penghutang, cagaran dan bayaran terdahulu | 17 | 333,632.41 | 240,743.88 |
| Pelbagai pemiutang, bayaran terakru dan peruntukan | 10 | 53,412.63 | 51,068.53 | Wang di tangan dan di bank | 18 | 89,610.05 | 144,531.77 |
| Cadangan dividen | 11 | 22,704.80 | 25,904.70 | | | | |
| Cukai Pendapatan | | - | 14,248.78 | | | | |
| | | 1,832,155.38 | 668,408.27 | | | 3,395,484.53 | 2,044,086.06 |
| | | 4,172,606.35 | 2,840,758.88 | | | 4,172,606.35 | 2,840,758.88 |
| | | ===== | ===== | | | ===== | ===== |

Sila lihat nota-nota yang mengiringi akaun-akaun.

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD
(dahulu dikenali sebagai THE UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 30HB APRIL 1997

| | 1997 RM | 1996 RM |
|---|--------------|--------------|
| KEUNTUNGAN BERSIH BAGI TAHUN : | | |
| - Kedai Buku | 117,047.39 | 38,724.95 |
| - Kedai Mahasiswa | 29,550.30 | 11,826.69 |
| - Pusat Farmasi | 29,871.66 | 21,488.83 |
| | ----- | ----- |
| | 176,469.35 | 72,040.47 |
| Tolak : Pembahagian Berkanun | | |
| 12% Pindahan ke Kumpulan Wang Rizab | 21,176.32 | 9,365.26 |
| 2% Sumbangan ke Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi | 3,529.39 | 1,440.81 |
| 1% Sumbangan ke Kumpulan Wang Pembangunan Koperasi | 1,029.40 | - |
| | ----- | ----- |
| | 25,735.11 | 10,806.07 |
| | ----- | ----- |
| | 150,734.24 | 61,234.40 |
| CUKAI | | |
| - tahun semasa | - | - |
| - lebih peruntukan tahun lalu | 14,248.78 | - |
| | ----- | ----- |
| | | |
| KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN DAN CUKAI | 164,983.02 | 61,234.40 |
| KEUNTUNGAN TERKUMPUL DIBAWA DARI TAHUN LALU | 1,420,547.70 | 1,392,211.20 |
| | ----- | ----- |
| | 1,585,530.72 | 1,453,445.60 |
| Tolak : PEMBAHAGIAN DICADANGKAN | | |
| Dividen dicadangkan | 1,876.60 | 3,897.90 |
| Tabung Derma Pinjaman Penuntut | - | - |
| Honorarium Lembaga Pengarah : | | |
| - tahun semasa | - | 14,500.00 |
| - kurang peruntukan tahun lalu | - | 14,500.00 |
| | ----- | ----- |
| | 1,876.60 | 32,897.90 |
| | ----- | ----- |
| BAKI KEUNTUNGAN TERKUMPUL DIBAWA KE KUNCI KIRA-KIRA | 1,583,654.12 | 1,420,547.70 |
| | ===== | ===== |

LAMPIRAN C (I)

KOPERASI KEDAI BUKU UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD
(dahulu dikenali sebagai THE UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
CO-OPERATIVE BOOKSHOP LIMITED)

AKAUN PERDAGANGAN DAN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN BERAKHIR 30HB APRIL 1997

| | 1997 RM | 1996 RM |
|--|------------------------------|------------------------------|
| JUALAN | 2,615,301.72 | 2,108,595.98 |
| TOLAK : KOS BARANG-BARANG JUALAN | | |
| Stok pada awal tahun | 636,020.28 | 669,764.49 |
| Belian | 2,390,914.66 | 1,726,056.16 |
| Tolak : Stok pada akhir tahun | 3,026,934.94 (875,765.46) | 2,395,820.65 (636,020.28) |
| Jumlah kos barang-barang jualan | 2,151,169.48 | 1,759,800.37 |
| KEUNTUNGAN KASAR DARI AKTIVITI PERDAGANGAN KEDAI BUKU | 464,132.24 | 348,795.61 |
| LAIN-LAIN PENDAPATAN | | |
| Faedah dari simpanan tetap | 28,817.16 | 1,471.44 |
| Pelbagai pendapatan | 9,226.46 | 1,373.42 |
| Keuntungan di atas pertukaran matawang asing | - | 8,272.33 |
| Fee masuk | 8,116.38 | |
| | 510,292.24 | 359,912.80 |

LAMPIRAN C (I)

| | 1997 RM | 1996 RM |
|---|------------|------------|
| LAIN-LAIN PERBELANJAAN | | |
| Gaji,elaun dan bonus | 170,460.33 | 155,858.22 |
| Elaun Pengerusi | 2,000.00 | - |
| Elaun Timbalan Pengerusi | 1,500.00 | - |
| Elaun Setiausaha | 1,500.00 | - |
| Elaun Bendahari | 1,500.00 | - |
| Elaun Mesyuarat Lembaga Pengarah | 5,000.00 | - |
| Elaun Audit Dalam | 1,800.00 | - |
| KWSP dan PERKESO | 20,103.55 | 17,818.05 |
| Alatulis dan cetakan | 12,912.29 | 12,828.94 |
| Setem, telefon dan telegram | 12,524.33 | 10,212.29 |
| Perubatan | 115.00 | 183.40 |
| Bayaran audit | 3,000.00 | 1,000.00 |
| Penyelenggaraan aset dan alatan | 3,602.40 | 4,501.30 |
| Kerugian atas pertukaran matawang asing | 7,931.71 | - |
| Faedah sewabeli | - | 1,145.76 |
| Perbelanjaan kenderaan dan perjalanan | 14,262.31 | 12,620.59 |
| Sisutnilai aset tetap | 33,910.61 | 36,725.90 |
| Elektrik | 6,306.60 | 7,501.22 |
| Pelbagai perbelanjaan | 9,545.89 | 3,374.12 |
| Yuran perunding cukai | 1,361.00 | 611.50 |
| Iklan dan Pameran | 15,151.91 | 1,824.50 |
| Sewaan | 45,720.00 | 49,844.88 |
| Komisen bank | 1,881.23 | 1,210.25 |
| Alat bungkusan | 4,984.21 | 415.30 |
| Kerugian atas penjualan aset tetap | - | 428.76 |
| Insuran | 3,530.10 | 3,082.87 |
| Bayaran faedah atas overdraf | 12,641.38 | - |
| | ----- | ----- |
